

11/12/1997

Asean perlu rangka strategi masa depan

KUALA LUMPUR, Rabu - Asean perlu merangka strategi dan visi masa depan bagi memastikan pertubuhan itu kekal sebagai faktor kestabilan dan keharmonian utama di kalangan negara Asia Tenggara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya yang disiarkan Asiaweek sempena edisi khas ulang tahun ke-30 Asean, Perdana Menteri berkata ketibaan alaf baru mewujudkan cabaran kepada Asean untuk mengekalkan dinamisme dan rekod cemerlangnya.

Menurut Dr Mahathir, tugas Asean semakin sukar dengan jangkaan bahawa suasana kurun mendatang itu lebih kompleks, khususnya dengan peningkatan proses globalisasi, era maklumat dan keserantau.

"Berdasarkan latar belakang itu, selain pengiktirafan Asean selaku realiti geopolitik Asia Tenggara, kita perlu memikirkan strategi dan visi masa depan supaya Asean kekal sebagai asas kestabilan di rantau ini.

"Matlamat itu perlu dicapai menerusi usaha dan perancangan. Selaras itu, usaha Asean untuk merangka suatu visi abad ke-21 memang sesuai dan kena pada tempatnya.

"Asean perlu melangkah ke alaf baru sebagai satu organisasi matang dengan keyakinan dan latar belakang kukuh," katanya dalam edisi terbaru Asiaweek.

Selain Dr Mahathir, pemimpin Asean lain yang turut menyampaikan perutusan khas dalam majalah itu ialah Presiden Filipina, Fidel Ramos dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Asean menyambut ulang tahun ke-30 tahun ini dengan Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Puncak Tidak Rasmi Asean, minggu depan.

Menurut Perdana Menteri, usaha ke arah mewujudkan Asean 10 berjaya mewujudkan suatu pertubuhan serantau yang pelbagai, dengan setiap negara anggota pada tahap pembangunan berbeza.

"Matlamat kita seharusnya ke arah mengurangkan jurang ekonomi di antara anggota baru dan lama Asean. Inilah cabaran utama yang perlu dihadapi oleh Asean selepas keanggotaannya diperbesarkan.

"Kejayaan masa depan Asean berkait rapat dengan peningkatan ekonomi setiap anggotanya dan sekali gus, kemampuan Asean secara keseluruhan," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, selepas 30 tahun diwujudkan pertubuhan itu kini semakin mantap dan terus meningkat sebagai kuasa ekonomi dan politik di rantau ini.

Menurutnya, pengasas Asean mempunyai visi Asia Tenggara yang bersatu yang mampu hidup dengan baik dan harmoni, bebas daripada gangguan atau ancaman luaran.

(END)